



**PENGUASAAN KOMPETENSI KOMUNIKATIF MELALUI PENGLIBATAN
PELAJAR DALAM PROGRAM MOBILITI BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN
AKADEMIK**

Oleh

MOHD AZROL HAFIZI BIN AZMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2022

FBMK 2022 53

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN KOMPETENSI KOMUNIKATIF MELALUI PENGLIBATAN
PELAJAR DALAM PROGRAM MOBILITI BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN
AKADEMIK**

Oleh

MOHD AZROL HAFIZI BIN AZMAN

Disember 2022

Pengerusi : Profesor Madya Abd Rauf bin Hassan, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Program mobiliti untuk tujuan akademik dalam kalangan pelajar bukan penutur jati adalah penting dalam mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa serta menambah pemahaman budaya dan sosial di sesebuah negara. Namun, kajian lepas mendapati penguasaan kompetensi komunikatif dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia masih berada pada tahap yang lemah walaupun mereka mempunyai minat yang mendalam terhadap bahasa yang dipelajari. Justeru, kajian ini akan meneliti penguasaan kompetensi komunikatif melalui penglibatan pelajar Bachelor Universiti Putra Malaysia dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik di Pusat Bahasa Universiti Al al-Bayt, Mafrq Jordan. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pengetahuan pelajar tentang linguistik-budaya masyarakat Arab, mengenal pasti pengetahuan pelajar tentang sosio-linguistik masyarakat Arab dan menganalisis kesan penguasaan kompetensi komunikatif pelajar dari aspek linguistik-budaya dan sosio-linguistik terhadap tahap pertuturan bahasa Arab. Pendekatan kualitatif dijalankan terhadap lapan orang responden dengan pengumpulan data temu bual selepas program mobiliti berakhir. Manakala analisis data disempurnakan melalui kaedah Penilaian Kecekapan Sosio-budaya N.M Belyakova (2008) dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 6. Hasil kajian menerusi objektif pertama mendapati pengetahuan pelajar tentang aspek linguistik-budaya masyarakat Arab bertambah baik. Hal ini meliputi (i) aspek budaya iaitu pemakanan, gaya hidup, pemakaian dan kesenian, (ii) aspek latar belakang kosa kata khusus budaya masyarakat Arab berkaitan dengan kata sapaan dan kata perpisahan dan (iii) aspek unit leksikal dan struktur tatabahasa standard serta loghat pada kategori kata nama, kata kerja dan kata soal. Objektif kedua yang memberikan tumpuan pada aspek sosio-linguistik, iaitu pengetahuan pelajar terhadap stereotaip tingkah laku lisan dalam komuniti yang berlainan juga diberikan perhatian melalui gerakan mulut, gerakan tangan dan intonasi suara. Manakala dapatan objektif ketiga, iaitu kesan penguasaan kompetensi komunikatif pelajar dari aspek linguistik-budaya dan sosio-linguistik terhadap tahap pertuturan

bahasa Arab menjadikan responden berasa lebih yakin, lebih natural dan lebih tenang berbanding sebelum penyertaan mereka dalam program mobiliti ini. Tuntasnya, program mobiliti bahasa Arab yang diadakan di luar negara seperti Jordan adalah sangat berkesan dan signifikan dengan keperluan semasa pelajar dalam pengajian.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Arts

**COMMUNICATIVE COMPETENCE MASTERY THROUGH STUDENT
ENGAGEMENT IN THE ARABIC LANGUAGE MOBILITY PROGRAMME
FOR ACADEMIC PURPOSES**

By

MOHD AZROL HAFIZI BIN AZMAN

December 2022

Chairman : Associate Professor Abd Rauf bin Hassan, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Mobility programmes for academic purposes among students who are not native speakers are important as they can strengthen mastery of language skills and improve cultural and social understanding of the country. However, previous studies have found that the mastery of communicative competence among Arabic language students in Malaysia is still at a weak level despite their keen interest in the language they are learning. Therefore, this study investigates the mastery of communicative competence through the participation of undergraduate students from Universiti Putra Malaysia in an Arabic language mobility programme for academic purposes at Al al-Bayt University Language Centre in Mafraq, Jordan. The objective of this study is to identify students' knowledge of the linguistic-cultural aspects of Arab society, to identify students' knowledge of the sociolinguistics of Arab society, and to analyse the impact of students' mastery of communicative competence from a linguistic-cultural and socio-linguistic perspective on the level of Arabic speaking. A qualitative approach was adopted, with interviews conducted with eight participants after the completion of the mobility programme. Meanwhile, data analysis was carried out using the Socio-cultural Competence Evaluation method by N.M. Belyakova (2008) and the software ATLAS. ti version 6. The results of the first objective study show that students' knowledge of the linguistic-cultural aspects of Arab society has improved. These include (i) aspects of culture, i.e. nutrition, lifestyle, dress and art, (ii) aspects of vocabulary specific to Arab culture in the context of greetings and farewells, and (iii) aspects of lexical units and standard grammatical structures and accents in the categories of nouns, verbs and interrogatives. The second objective, which focuses on socio-linguistic aspects, namely students' knowledge of stereotypes of verbal behaviour in different communities, is also considered through mouth movements, hand movements and intonation of the voice. The third objective is the impact of the students' mastery of communicative competence in linguistic-cultural and socio-linguistic aspects on the level of Arabic speaking, as a result of which the respondents are

now more confident, natural and calm than before their participation in this mobility programme. In conclusion, this study successfully achieved the set objectives and concluded that the Arabic language mobility programme in Jordan for academic purposes is very relevant to the current needs of students in their studies.



PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن تبعهم
بإحسان إلى يوم الدين.

Bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan dan Dr. Nik Farhan Mustapha. Mereka berdua telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja penyelidikan saya sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Juga tidak dilupakan sekalung penghargaan yang seikhlasnya kepada ayahanda dan bonda saya, Azman bin Mohd Hassan dan Haslina binti Nawawi yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri saya, Syahirah binti Ab Rahman, adik beradik serta keluarga mentua sekalian kerana amat memahami, memberi dorongan dan semangat sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini dijalankan. Semoga anakanda puteri sulung tercinta, Khaira Medina binti Mohd Azrol Hafizi mendapat inspirasi juga dari hasil kerja ini.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah SWT. Setiap kekurangan dan kelemahan pastinya datang daripada diri saya dan yang Maha Sempurna hanyalah milik-Nya.

Terima kasih.

MOHD AZROL HAFIZI BIN AZMAN

Taman D' Tijah,
Jalan Haji Wan Latif, Jerneh,
20 Disember 2022

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis adalah seperti berikut:

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor and Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 13 April 2023

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|---|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI KANDUNGAN | x |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| | |
| BAB | 1 |
| | |
| 1 | PENDAHULUAN |
| 1.1 | Pendahuluan |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian |
| 1.3 | Penyataan Masalah |
| 1.4 | Persoalan Kajian |
| 1.5 | Objektif Kajian |
| 1.6 | Kepentingan Kajian |
| 1.6.1 | Kepentingan Kompetensi Komunikatif |
| 1.6.2 | Kepentingan Pemilihan Teori |
| 1.6.3 | Kepentingan Program Mobiliti Luar Negara Untuk Tujuan Akademik |
| 1.7 | Limitasi Kajian |
| 1.7.1 | Skop Pemboleh Ubah Kajian |
| 1.7.2 | Kaedah Kajian |
| 1.7.3 | Responden Kajian |
| 1.8 | Kerangka Kajian |
| 1.8.1 | Kerangka Teoritikal Kajian |
| 1.8.2 | Kerangka Konseptual Kajian |
| 1.9 | Definisi Operasi Kajian |
| 1.9.1 | Penguasaan Kompetensi Komunikatif |
| 1.9.2 | Program Mobiliti |
| 1.9.3 | Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik |
| 1.10 | Kesimpulan |
| | |
| 2 | TINJAUAN LITERATUR |
| 2.1 | Pendahuluan |
| 2.2 | Kompetensi Komunikatif |
| 2.2.1 | Konsep Kompetensi Komunikatif |
| 2.2.2 | Perkembangan Model Kompetensi Komunikatif |
| 2.2.3 | Model-Model Kompetensi Komunikatif |
| 2.2.4 | Keberkesanan Amalan Konsep Kompetensi Komunikatif |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 2.2.5 | Kajian Kompetensi Komunikatif Bahasa Arab di Malaysia | 25 |
| 2.3 | Bahasa untuk Tujuan Khusus | 26 |
| 2.3.1 | Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus | 28 |
| 2.3.2 | Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik | 31 |
| 2.4 | Konsep Mobiliti | 31 |
| 2.4.1 | Piagam Kualiti Mobiliti | 32 |
| 2.4.2 | Kepentingan Program Mobiliti | 35 |
| 2.4.3 | Keberkesanan Program Mobiliti | 36 |
| 2.4.4 | Program Mobiliti Pelajar di Malaysia | 36 |
| 2.4.5 | Program Mobiliti Bahasa Arab | 38 |
| 2.5 | Kesimpulan | 39 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | 40 |
| 3.1 | Pendahuluan | 40 |
| 3.2 | Kerangka Kajian | 40 |
| 3.2.1 | Kerangka Teoritikal Kajian | 40 |
| 3.2.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 42 |
| 3.3 | Prosedur Pengumpulan Data | 44 |
| 3.3.1 | Kaedah Kajian | 44 |
| 3.3.2 | Instrumen Kajian | 45 |
| 3.3.3 | Responden Kajian | 47 |
| 3.3.4 | Lokasi Kajian | 48 |
| 3.3.5 | Limitasi Kajian | 49 |
| 3.4 | Prosedur Analisis Data | 50 |
| 3.4.1 | Transkripsi Rakaman Video Digital | 50 |
| 3.4.2 | Pengekodan | 50 |
| 3.4.3 | Keabsahan Analisis Data | 54 |
| 3.5 | Kesimpulan | 55 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN | 56 |
| 4.1 | Pendahuluan | 56 |
| 4.2 | Objektif Satu: Pengetahuan Tentang Kompetensi Linguistik-Budaya | 56 |
| 4.2.1 | Pengetahuan Budaya | 57 |
| 4.2.2 | Pengetahuan Latar Belakang Kosa Kata Khusus Budaya | 76 |
| 4.2.3 | Pengetahuan Unit Leksikal dan Struktur Tatabahasa Budaya | 80 |
| 4.3 | Objektif Dua: Pengetahuan Stereotaip Tingkah Laku Lisan Dalam Komuniti Yang Berlainan | 87 |
| 4.3.1 | Gerakan Mulut | 87 |
| 4.3.2 | Gerakan Tangan | 88 |
| 4.3.3 | Intonasi Suara | 89 |
| 4.4 | Objektif Tiga: Kesan Penguasaan Kompetensi Komunikatif Pelajar | 91 |
| 4.4.1 | Lebih Yakin | 92 |
| 4.4.2 | Lebih Natural | 95 |
| 4.4.3 | Lebih Tenang | 97 |
| 4.5 | Kesimpulan | 99 |

| | | |
|----------|---|-----|
| 5 | RUMUSAN KAJIAN | 100 |
| 5.1 | Pendahuluan | 100 |
| 5.2 | Rumusan Hasil Kajian | 100 |
| 5.2.1 | Objektif Pertama: Penguasaan Kompetensi Linguistik-budaya | 101 |
| 5.2.2 | Objektif Kedua: Penguasaan Kompetensi Sosio-linguistik | 102 |
| 5.2.3 | Objektif Ketiga: Kesan Penguasaan Kompetensi Linguistik-budaya dan Kompetensi Sosio-linguistik Terhadap Tahap Pertuturan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar | 103 |
| 5.3 | Cadangan | 104 |
| 5.3.1 | Cadangan dari Sudut Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) | 104 |
| 5.3.2 | Cadangan Kajian Lanjutan | 105 |
| 5.4 | Kesimpulan | 106 |
| | RUJUKAN | 107 |
| | BIODATA PELAJAR | 130 |
| | PENERBITAN | 131 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--------|--|---------|
| 3.1 | Pembahagian tema, subtema dan item mengikut objektif | 50 |
| 3.2 | Singkatan bagi tema dalam transkripsi | 52 |
| 3.3 | Singkatan bagi subtema dalam transkripsi | 53 |
| 3.4 | Singkatan bagi Item dalam transkripsi | 53 |



SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|--------------|--|----------------|
| 2.1 | Model Kompetensi Komunikatif Dell Hymes (1972) | 15 |
| 2.2 | Model Kompetensi Komunikatif Canale & Swain (1980) | 16 |
| 2.3 | Model Kompetensi Komunikatif Bachman dan Palmer (1996) | 18 |
| 2.4 | Model Kompetensi Komunikatif Dalam Rangka Kerja Bersama Eropah (2001) | 20 |
| 2.5 | Model Kompetensi Komunikatif dari aspek Sosio-budaya N.M. Belyakova (2008) | 22 |
| 2.6 | Piagam Kualiti Mobiliti | 33 |
| 3.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 43 |
| 4.1 | Pengetahuan Responden Tentang Kompetensi Linguistik-Budaya | 57 |
| 4.2 | Pengetahuan budaya dari aspek pemakanan masyarakat Arab Jordan | 57 |
| 4.3 | Istilah jenis roti dan makanan sampingan | 58 |
| 4.4 | Jenis nasi dan hidangan sampingan masyarakat Arab Jordan | 61 |
| 4.5 | Jenis Manisan masyarakat Arab Jordan | 63 |
| 4.6 | Jenis teh dan tabiat minum teh | 65 |
| 4.7 | Istilah dan tabiat minum kopi | 66 |
| 4.8 | Pengetahuan budaya dari aspek gaya hidup masyarakat Arab Jordan | 68 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.9 | Istilah dan amalan budaya pemakaian masyarakat Arab Jordan | 72 |
| 4.10 | Pengetahuan budaya dari aspek kesenian & alunan lagu | 75 |
| 4.11 | Istilah kata sapaan & amalan budaya kata sapaan | 77 |
| 4.12 | Istilah dan amalan budaya selain kata sapaan | 79 |
| 4.13 | Perubahan kata nama standard kepada loghat Arab Jordan | 81 |
| 4.14 | Perubahan kata kerja standard kepada loghat Arab Jordan | 83 |
| 4.15 | Perubahan kata soal standard kepada loghat Arab Jordan | 85 |
| 4.16 | Stereotaip tingkah laku lisan dalam komuniti yang berlainan | 87 |
| 4.17 | Kesan penguasaan kompetensi komunikatif pelajar | 92 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bab satu dalam kajian ini bertujuan untuk menjelaskan program mobiliti bahasa Arab yang melibatkan pelajar ke luar negara bagi tujuan akademik. Selain latar belakang kajian, bab ini juga menerangkan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, kerangka teoritikal dan konseptual kajian serta definisi operasi kajian. Ia kemudian diakhiri dengan rumusan ringkas sebagai gambaran awal bagi keseluruhan kajian yang dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program mobiliti ke luar negara merupakan salah satu program berprestij global yang disertai ramai pelajar dari pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Ia dilihat sebagai salah satu platform terbaik untuk meningkatkan penguasaan kompetensi komunikatif bahasa kedua di samping memahami budaya dan cara hidup sosial masyarakat di negara sasaran. Selain itu, ia juga merupakan antara alternatif yang dapat membantu pelajar memperolehi pengalaman baru, mengakses maklumat terkini serta menyesuaikan diri dengan mudah disebabkan situasi pembelajaran yang berbeza (Marin, 2014).

Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai contoh, telah menerima penyertaan mobiliti pelajar yang memberangsangkan melalui program mobiliti *inbound* dan *outbound*. Selain mempunyai lebih dari 190 Memorandum Persefahaman (MoU) dengan universiti seluruh dunia, ia turut memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali sejarah dan budaya sesebuah negara, memahami sistem pendidikan dan sekali gus menguasai kemahiran bahasa. Ia juga bertindak sebagai pembuka laluan bagi memudahkan pelajar jika mereka ingin terus melanjutkan pengajian di negara asing berbekalkan kecekapan komunikasi (kompetensi komunikatif) yang telah dikuasai (Universiti Putra Malaysia, 2017).

Hal ini kerana pelajar yang terlibat dalam program mobiliti ini lebih terdedah kepada persekitaran semasa yang memerlukan mereka keluar dari zon selesa. Dengan melanjutkan pengajian ke luar negara, nilai jati diri akan terbentuk dan keupayaan untuk mencapai kejayaan adalah lebih tinggi disebabkan faktor motivasi yang dimiliki (Utusan Online, 2016). Malah di samping membentuk keperibadian, profesionalisme dan pembangunan minda pelajar ke arah

pemikiran global, ia turut berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kerjasama dengan negara lain di peringkat antarabangsa (Utusan Online, 2018).

Dalam bidang bahasa Arab, penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik melalui aktiviti berbahasa merupakan salah satu aspek penting yang boleh dikaji. Ia berperanan sebagai pemudah cara bagi meningkatkan minat, motivasi, keyakinan serta membantu pelajar dalam penyelesaian masalah pembelajaran bahasa Arab (Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani Ahmad, Khazri Osman, Ummu Hani Hashim & Nur Syazwina Mustapa, 2012). Justeru, hubungan antara kompetensi komunikatif dan aktiviti berbahasa melalui program mobiliti luar negara adalah saling berkait antara satu sama lain.

Dengan adanya program mobiliti pelajar yang dikelolakan oleh pihak universiti, maka pengkaji merasa terpacu untuk menyelidik dan mengkaji penguasaan kompetensi komunikatif bahasa Arab melalui penglibatan pelajar dalam program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik.

1.3 Penyataan Masalah

Keseimbangan antara minat dan penguasaan bahasa Arab pelajar dalam pertuturan adalah tidak selari. Ia dinyatakan secara jelas oleh Ab. Halim & Wan Muhamad (2016) bahawa sikap dan minat yang mendalam terhadap bahasa Arab tidak menentukan kompetensi komunikatif pelajar berada pada tahap yang memuaskan.

Menurut Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal (2014), tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) masih rendah. Justeru tidak hairan jika penguasaan kompetensi komunikatif pelajar dalam bahasa Arab masih berada pada tahap yang lemah bahkan senario ini kelihatan serupa di mana-mana IPTA di Malaysia (Anuar Sopian, 2016).

Terdapat dua faktor utama yang menyumbang pada kelemahan tahap pertuturan ini. Pertama, faktor dalaman iaitu perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya (Ab. Halim Mohamad, 2009). Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal (2014) juga menyenaraikan beberapa cabaran lain seperti kesukaran melaksanakan tugas, masalah kosa kata, masalah penggunaan struktur dan susunan bahasa (morfologi dan sintaksis) serta penyampaian idea. Kedua, faktor luaran yang berpunca daripada persekitaran apabila pelajar kurang berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelajar Arab penutur asli (Ab. Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong, 2016).

Bagi menangani masalah kelemahan tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia, penglibatan dalam program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik perlu dipandang serius. Hal ini kerana terdapat hubungan antara kesan kursus bahasa Arab luar negara dengan penguasaan kompetensi komunikatif yang dapat meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar hasil daripada peningkatan jumlah kosa kata yang diperolehi (Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman, 2017). Menguatkan lagi hujah ini, kajian Saipolbarin Ramli, Muhammad Taufiq Abdul Ghani & Mohd Zawawi Awang Hamat (2019) turut mendapati program *outbound* bahasa Arab yang dijalankan di luar negara terbukti mampu meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar dari aspek kosa kata.

Tambahan lagi, penglibatan pelajar dalam program mobiliti bahasa Arab di luar negara ini sekaligus telah mencipta peluang buat mereka untuk menyertai program pengantarabangsaan dan membolehkan mereka untuk mendalami pembelajaran dan latihan berbahasa Arab serta meningkatkan kompetensi komunikatif dalam bahasa Arab (Berita Harian, 2020). Selain itu, ia merupakan salah satu peluang bermanfaat bagi seorang pelajar seperti dapat mengenali sejarah dan budaya sesebuah negara, memahami sistem pendidikan serta mempelajari kemahiran sesuatu bahasa melalui jalinan persahabatan serta secara tidak langsung dapat meningkatkan keupayaan berkomunikasi (Universiti Putra Malaysia, 2017).

Menurut Mcinnes, Goss, Fisher & Brockman (2019) terdapat sekurang-kurangnya empat kecekapan yang dapat dibangunkan melalui program mobiliti luar negara. Antaranya kecekapan budaya yang merangkumi kemahiran bahasa dan komunikasi, kecekapan intelek termasuk cara bekerja dengan orang lain untuk menyelesaikan masalah, kecekapan sosial termasuk peningkatan keyakinan dan kesedaran diri serta kecekapan profesional melalui peningkatan dalam rangkaian profesional.

Hal ini demikian kerana pelajar yang mengikuti program mobiliti bahasa Arab di luar negara adalah berlandaskan kepada matlamat dan keperluan mereka sendiri dalam mempelajari bahasa Arab untuk tujuan akademik antaranya ingin meningkatkan kemahiran bertutur dengan fasih di dalam atau di luar bilik kuliah bersama rakan-rakan penutur jati Arab (Zakaria Omar, Abdullah Muhammad Adam Kheir & Nordin Ahmad, 2020). Hal ini juga turut disokong oleh Ahmad Fatoni (2019) yang menyatakan bahawa kejayaan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik dapat dilihat apabila bahasa Arab itu sendiri digunakan dalam kehidupan seharian dan melalui aktiviti yang khusus.

Ringkasnya, banyak dapatan kajian lampau yang menunjukkan kesan positif daripada program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik namun aktiviti mobiliti berbahasa khususnya bahasa Arab masih kurang dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi jurang kajian akademik di samping melihat faktor penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik melalui

penglibatan dalam program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik dalam kalangan pelajar jurusan bahasa Arab IPTA di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Tiga persoalan yang telah dibina bagi kajian ini adalah seperti yang berikut:-

1. Apakah pengetahuan pelajar tentang linguistik-budaya masyarakat Arab yang diperolehi melalui penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik?
2. Apakah pengetahuan pelajar tentang sosio-linguistik masyarakat Arab yang diperolehi melalui penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik?
3. Apakah kesan penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek linguistik-budaya dan sosio-linguistik terhadap tahap pertuturan bahasa Arab pelajar selepas penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik?

1.5 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:-

1. Meneliti pengetahuan pelajar tentang linguistik-budaya masyarakat Arab yang diperolehi melalui penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik.
2. Mengenal pasti pengetahuan pelajar tentang sosio-linguistik masyarakat Arab yang diperolehi melalui penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik.
3. Menganalisis kesan penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek linguistik-budaya dan sosio-linguistik terhadap tahap pertuturan bahasa Arab pelajar selepas penglibatan mereka dalam program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini sangat penting dan dapat dilihat dari tiga sudut seperti yang berikut:-

1.6.1 Kepentingan Kompetensi Komunikatif

Pemerolehan bahasa kedua iaitu bahasa Arab melalui penguasaan kompetensi komunikatif dalam kalangan pelajar yang mengikuti program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik memerlukan kajian yang dapat menambah baik bidang berkenaan. Berdasarkan sorotan literatur yang dijalankan, kajian ini mengisi kelompangan sedia ada dalam penyelidikan secara empirikal terhadap peningkatan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar. Secara spesifik, penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik dapat menyumbang kepada peningkatan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar.

Secara mendalam, kajian ini menyelidik elemen-elemen utama dalam penguasaan kompetensi komunikatif yang mempunyai hubungan dengan penglibatan pelajar dalam program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik terhadap peningkatan tahap pertuturan bahasa Arab mereka. Hal ini kerana setiap aspek dalam kompetensi komunikatif dalam pemerolehan bahasa kedua mempunyai peranan dan fungsi tersendiri walaupun semuanya saling memerlukan antara satu sama lain dalam penghasilan komunikasi secara berkesan (Canale & Swain, 1980). Justeru itu, hasil kajian ini dijangka dapat menambah pengetahuan tentang indikator kompetensi komunikatif yang boleh meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

1.6.2 Kepentingan Pemilihan Teori

Kajian ini membuka perspektif yang lebih luas dalam penyelidikan bidang pemerolehan bahasa kedua dan mobiliti pelajar dengan menggunakan teori sarjana barat. Ia bertujuan untuk memberikan hasil empirikal yang lebih mantap terhadap isu yang dikaji.

Secara spesifik, penekanan pada teori penggunaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik didasarkan pada model Penilaian Kecekapan Sosio-budaya N.M Belyakova (2008). Teori ini menonjolkan kepentingan budaya dan bahasa serta menunjukkan persamaan dalam beberapa aspek penting dalam bidang pemerolehan bahasa kedua. Ia juga merupakan rentetan dari konsep kompetensi sosio-linguistik oleh pengkaji moden yang lepas antaranya Dell Hymes (1972), Canale & Swain (1980) dan Bachman & Palmer (1996).

1.6.3 Kepentingan Program Mobiliti Luar Negara Untuk Tujuan Akademik

Kajian ini memperlihatkan akan kepentingan penglibatan pelajar Bachelor Sastera Bahasa Arab dalam program mobiliti luar negara untuk tujuan akademik yang dapat membantu meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab mereka sebagai bahasa kedua. Malah dapatan daripada kajian ini boleh dimanfaatkan oleh IPTA dan juga Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia.

Kajian ini penting sebagai rujukan kepada pensyarah bahasa Arab untuk meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka. Selain itu, para pelajar turut dapat mempertingkatkan tahap penguasaan kompetensi komunikatif mereka dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik dalam menangani masalah tahap pertuturan bahasa Arab mereka yang lemah.

Secara ringkas, dapatan kajian ini dipercayai signifikan kepada semua pihak yang terlibat dalam pemerolehan bahasa Arab sebagai bahasa kedua seperti pelajar, pensyarah, pentadbir di IPTA dan IPTS, penyelidik dan juga masyarakat umum. Hal ini kerana kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik tidak boleh sama sekali terpisah daripada penglibatan dalam program mobiliti yang dijalankan di luar negara.

1.7 Limitasi Kajian

Limitasi kajian ini dilihat daripada beberapa aspek iaitu skop pemboleh ubah kajian, kaedah kajian serta responden kajian.

1.7.1 Skop Pemboleh Ubah Kajian

Kajian ini memfokuskan pelajar Bachelor Sastera (Bahasa Asing) Pengkhususan Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai responden. Seramai lapan (8) orang pelajar yang terlibat dalam program mobiliti bahasa Arab di Universiti Al al-Bayt, Mafrq, Jordan dijadikan responden dalam kajian ini. Program ini mengambil masa selama sebulan bermula 1 Februari 2020 sehingga 1 Mac 2020. Ia teretus berdasarkan pada isu permasalahan yang timbul terhadap tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia yang masih lemah.

Tambahan lagi, program mobiliti bahasa Arab UPM di Universiti Al al-Bayt, Mafrq, Jordan yang dimaksudkan di sini adalah program mobiliti bahasa Arab yang melibatkan kursus bahasa Arab jangka pendek untuk tujuan akademik

yang pertama dilaksanakan pada permulaan tahun 2020 bagi meningkatkan kompetensi komunikatif bahasa Arab di luar negara yang melibatkan pelajar seramai tiga belas (13) orang dan dua (2) orang pegawai pengiring daripada Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM. Program yang dikendalikan oleh mereka ini telah diberi nama “*Putra Arabiy Mobility Programme 2020*”.

Sehubungan itu, kajian ini hanya memberi tumpuan pada pelaksanaan program mobiliti bahasa Arab luar negara yang diadakan untuk tujuan akademik di Jordan dalam tempoh jangka pendek sebagaimana yang digariskan dalam buku panduan Program Mobiliti *Outbound* iaitu melibatkan penempatan atau pertukaran seorang pelajar UPM di mana-mana universiti atau institusi antarabangsa di luar negara dalam bentuk lawatan sambil belajar jangka pendek seperti program kursus bahasa dalam tempoh 2 minggu atau lebih yang diperkenalkan di UPM. Disamping itu, penglibatan pelajar UPM secara pertukaran 1 hingga 2 semester, sangkutan penyelidikan dan latihan industri merupakan lain-lain bentuk Program Mobiliti *Outbound* yang turut diperkenalkan di UPM (PUTRA International Centre, 2020).

Dari sudut penguasaan kompetensi komunikatif pula, limitasi yang dimaksudkan adalah dari aspek linguistik-budaya dan sosio-linguistik. Pandangan responden terhadap penggunaan bahasa Arab *fushhā* (standard) yang meluas dalam kalangan masyarakat Arab di Jordan diambil kira. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan pada aspek kemahiran pertuturan walaupun kemahiran-kemahiran lain seperti mendengar, membaca dan menulis dapat dinilai dalam kalangan pelajar.

1.7.2 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Sesi temu bual dilaksanakan selepas penglibatan responden dalam program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik tersebut selesai. Secara tidak langsung, pengalaman mereka selama sebulan dapat dimanfaatkan sebaiknya dan data yang diperolehi sepenuhnya berdasarkan temu bual adalah memadai.

1.7.3 Responden Kajian

Responden kajian ini hanya terbatas pada lapan (8) orang pelajar Bacelor Sastera (Bahasa Asing) Pengkhususan Bahasa Arab, UPM yang telah mengikuti program mobiliti bahasa Arab untuk tujuan akademik yang melibatkan kursus bahasa Arab jangka pendek di Universiti Al al-Bayt, Mafraq, Jordan dalam tempoh satu (1) bulan. Hal ini berdasarkan kesudian mereka secara sukarela untuk menyertai kajian. Selain itu, karakter yang peramah dan sudi berkongsi

kisah menjadikan mereka sesuai dijadikan responden dalam kajian ini. Oleh itu, pelajar dalam bidang Bachelor Sastera Bahasa Arab di IPTS dan pelajar di peringkat sekolah tidak termasuk dalam responden kajian ini.

1.8 Kerangka Kajian

Kerangka yang dibina dalam kajian ini dibahagikan kepada dua aspek penting iaitu secara teori dan konsep.

1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal kajian memberi tumpuan pada penguasaan kompetensi komunikatif bahasa Arab pelajar melalui dua aspek utama, iaitu:-

1. Kompetensi Linguistik-budaya
2. Kompetensi Sosio-linguistik

Data diperolehi melalui temu bual yang dijalankan ke atas responden selepas program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik yang dimaksudkan tamat. Maklumat terperinci berkaitan sub-topik ini akan dibincangkan dalam Bab 3.

1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji telah membina kerangka konseptual kajian berdasarkan model Penilaian Kecekapan Sosio-budaya N.M Belyakova (2008) yang telah diubahsuai. Berpandukan dua aspek utama melalui kerangka teorikal kajian, ia dikembangkan kepada beberapa tema kecil seperti yang berikut:-

1. Kompetensi Linguistik-budaya
 - Pengetahuan Budaya
 - Pengetahuan Latar Belakang Kosa Kata Khusus Budaya
 - Pengetahuan Unit Leksikal dan Struktur Tatabahasa
2. Kompetensi Sosio-linguistik
 - Pengetahuan Stereotaip Tingkah Laku Lisan dalam Komuniti yang berlainan

Melalui data yang diperolehi berdasarkan kerangka konseptual kajian tersebut, kesan terhadap tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengikuti program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik akan dibincangkan secara terperinci. (Sila rujuk Bab 3 untuk perincian kerangka konseptual kajian).

1.9 Definisi Operasi Kajian

Kata kunci yang kerap digunakan dalam kajian ini didefinisikan secara operasi. Ini adalah kerana definisi yang jelas tentang pemboleh ubah utama kajian menjadi panduan kepada pengkaji dalam mengumpul dan menganalisis data.

1.9.1 Penguasaan Kompetensi Komunikatif

Penguasaan kompetensi komunikatif merujuk pada pengetahuan pelajar tentang penggunaan rumus tatabahasa yang betul mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian dalam membina percakapan. Penggunaan struktur ayat bahasa Arab yang gramatis membolehkan seseorang itu mempunyai kecekapan dalam berkomunikasi (Abdul Rahman Abdullah, 2009).

Dalam konteks kajian ini, kompetensi komunikatif dinilai berdasarkan model Penilaian Kecekapan Sosio-budaya N.M Belyakova (2008) bagi mengenal pasti tahap penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik dalam kalangan pelajar. Sehubungan itu, penguasaan kompetensi komunikatif bermaksud bagaimanakah pemboleh ubah tersebut mempengaruhi tahap pertuturan bahasa Arab pelajar yang mengikuti program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik.

Indikator yang digunakan dalam menilai penguasaan kompetensi komunikatif dari aspek kompetensi pelajar ialah kompetensi linguistik-budaya, kompetensi sosio-linguistik dan kesan terhadap tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

1.9.1.1 Kompetensi Linguistik-budaya

Kompetensi linguistik-budaya melibatkan beberapa pengetahuan seperti yang berikut:-

1. Pengetahuan Budaya

Ia merujuk pada pengetahuan pelajar tentang jenis-jenis istilah dan budaya pemakanan, cara hidup serta kesenian masyarakat Arab.

2. Pengetahuan Unit Leksikal dan Struktur Tatabahasa

Ia merujuk pada pengetahuan pelajar tentang jenis unit leksikal dan struktur tatabahasa masyarakat Arab berdasarkan dialek komunikasi harian masyarakat Arab yang dilihat berbeza dengan unit leksikal dan struktur tatabahasa dalam bahasa Arab *fushhā* (standard), antaranya yang melibatkan penggunaan kata nama, kata kerja dan kata soal.

3. Pengetahuan Latar Belakang Kosa Kata Khusus Budaya

Ia merujuk pada pengetahuan pelajar tentang jenis latar belakang kosa kata khusus budaya masyarakat Arab yang melibatkan kata sapaan dan ucapan lain dalam situasi tertentu. Antaranya ketika mengalu-alukan kedatangan tetamu, bertanya khabar, bertanya nama panggilan orang yang baru dikenali, bertanya kemahuan seseorang ketika berurusan, bertanya perbuatan yang sedang dilakukan oleh seseorang dan ucapan ketika ingin meninggalkan seseorang di tempat pertemuan.

1.9.1.2 Kompetensi Sosio-linguistik

Kompetensi sosio-linguistik ini melibatkan pengetahuan stereotaip tingkah laku lisan dalam komuniti yang berlainan.

Ia merujuk pada pengetahuan pelajar tentang jenis stereotaip tingkah laku lisan dalam komuniti yang berlainan, seperti pergerakan bibir, pergerakan tangan serta intonasi suara masyarakat Arab.

1.9.1.3 Kesan Terhadap Tahap Pertuturan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar

Ia merujuk kepada penguasaan kompetensi komunikatif pelajar dari aspek kompetensi linguistik-budaya dan kompetensi sosio-linguistik yang mempengaruhi tahap pertuturan bahasa Arab mereka selepas program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik tersebut tamat. Terdapat tiga indikator yang digunakan bagi menilai tahap pertuturan bahasa Arab mereka iaitu keyakinan bercakap, keberanian bercakap serta ketenangan bercakap secara spontan dan natural.

1.9.2 Program Mobiliti

Program mobiliti bermaksud pergerakan pelajar melalui penukaran tempat pengajian ke tempat pengajian yang baharu (Robinson, 2012). Dalam konteks kajian ini, program mobiliti bahasa Arab di luar negara untuk tujuan akademik yang dimaksudkan ialah program kursus bahasa Arab jangka pendek yang dijalankan selama sebulan di Pusat Bahasa Universiti Al al-Bayt, Mafraq Jordan dan disertai oleh responden yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Ia juga dikenali sebagai *Putra Arabiy Mobility Programme*.

1.9.3 Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik

Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik bermaksud pembelajaran bahasa Arab mengikut keperluan pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis, kemahiran bertutur atau kemahiran membaca (Zakaria Omar, Abdullah Muhammad Adam Kheir & Nordin Ahmad, 2020). Dalam konteks kajian ini, Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik yang dimaksudkan ialah pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan responden untuk meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab mereka menerusi penguasaan kompetensi komunikatif dalam program mobiliti bahasa Arab luar negara di Pusat Bahasa Universiti Al al-Bayt, Mafraq Jordan.

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan secara ringkas tentang latar belakang dan pernyataan masalah kajian yang menjadi sebab tercetusnya kajian ini. Ia seterusnya diikuti dengan tiga persoalan kajian yang perlu dijawab dan tiga objektif kajian yang bakal dicapai. Selain itu, kepentingan kajian, limitasi kajian, kerangka kajian dan definisi operasi kajian turut diterangkan sebagai pelengkap kepada pendahuluan dalam Bab 1.

RUJUKAN

- Ab. Halim, M. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1–14.
- Ab. Halim, M., & Wan Muhamad, W. S. (2016). Minat Dan Sikap Pelajar Bachelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia Terhadap Bahasa Arab. *Jurnal Al-ANWAR*, 1(1), 21-37.
- Abdul, R. A. (2009). Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor. Tesis Ph.D. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abdul, R. Z., & Rosfazila, A. R. (2017). Kesan Kursus Bahasa Arab Jangka Pendek Luar Negara Menurut Perspektif Sosiolinguistik. In *e-Proceeding of the 3rd INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)* (pp. 810–818). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ahmad, F. (2019). Arabic Learning for Academic Purposes. *Izdihar : Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 2(2), 149-164.
- Ahmad, M. (2014). Pendekatan komunikatif dalam pembelajaran bahasa arab. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 1(1), 29-48.
- Anuar, S. (2016). Tahap Pertuturan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Yang Mengambil Kursus Bahasa Arab Di UiTM Melaka. In *e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization* (pp. 174-187). Kuala Lumpur, Malaysia.
- Asrul, A. S., Mohd, S. O., & Muhd, Z. I. (2017). Makna perkataan hujan dalam al-Quran berdasarkan konteks situasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 15(1-S), 75–80.
- Al-Sayyid, M. S. (2019). Ta'lim al-Lughah al-'arabiyyah li'aghrād khāṣah wa mawqūf al-turāth minhu. *Majalah 'isykālāt fiy al-Lughah wa al-'adab*, 20, 67-92.
- Al-muwsā, N. (2003). Al-Thunā'iyāt fiy Qaḍāyā Al-Lughah Al-'Arabiyyah min 'Aṣri Al-Nahḍah 'Ilā 'Aṣri Al-'Uwlamah, Dār Al-Syurūq lil Nasyri wa Al-Tawzī, Al-Ṭaba'Ah Al-'Ulā, 'Umān, 24, 264-267.

- Bagari, V., & Mihaljevi, J. (2007). Defining Communicative. *Metodika*, 8(1), 94–103.
- Belyakova, N. M. (2008). Trebovaniya k urovnyu sformirovannosti sotsiokul'turnoy kompetentsii v sovremennom tekhnologicheskom obshchestve [Requirements to the level of the Sociocultural Competence in the Modern Technological Society] (Rus.). *Izvestiya Rossiyskogo gosudarstvennogo pedagogicheskogo universitetaim*. A. I. Gertsena, 73-1.
- Berita Harian Online. (2019, April 18). Malaysia, Jordan kukuhkan kerjasama pendidikan tinggi.
<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/04/554605/malaysia-jordan-kukuhkan-kerjasama-pendidikan-tinggi>
- Berita Harian. (2020, Mac 26). Dalami bahasa Arab di Jordan. Bil. 527.
- Bolsunovskaya, L. M., Phillips, C., Korotchenko, T. V., Matveenکو, I. A., Strelnikova, A. B., & Ulyanova, O. S. (2015). Project-based Method in Teaching Foreign Language for Specific Purposes. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 215(June), 176–180.
- Borger, L. (2014). Looking beyond scores. A study of rater orientations and ratings of speaking. *Gothenburg University Publications Electronic Archive (GUPEA)*.
- Canale, M., & Swain, M. (1980). Theoretical bases of communicative approaches to second language teaching and testing. *Applied Linguistics*, 1(1), 1–47.
- Degil, I. M., Mikhaleva, L. V., & Régnier, J.-C. (2015). Evaluation of the Sociocultural Competence on the Basis of the Platform Moodle According to the Competency-based Approach. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 200(October), 475–481.
- Donalek, J. G. (2005). The interview in qualitative research. *Urologic Nursing : Official Journal of the American Urological Association Allied*, 25(2), 124–125.
- Eva, A. (2018). Kompetensi Komunikatif. *PENTAS: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 4(2), 1–7.
- Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). English for specific purposes : a learning-centered approach. New York : Cambridge University Press.
- Hymes, D. (1972). Models of the interaction of language and social life. *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, 35-71.

- Jamous, R., & Chik, A. R. (2012). Teaching Arabic for Cultural Purposes: A Case Study of Francophone Program of Arabic at Aleppo University. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 66, 37–45.
- Jāk, R. (2001). *Tatwīr Manāhij Ta'Līm Al-Lughah*, Tarmajah Dr. Nāriş Al-Ghāyal, wa Dr. Sālih Al- Syuwayrikh, 40, 44.
- Kazakova, O. (2015). Language for Specific Purposes: Methodological Problems, Trends and Perspectives. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 214(June), 977–982.
- Khairun, N. M., Nor, Z. A., & Nonglaksana, K. (2017). Kajian kes keperluan Bahasa Arab dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah Malaysia dari sudut pandang Mutawwif-Mutawwif syarikat Andalusia. *International Journal of Religious Research in Education (IJRRE)*, 1(1), 34-40.
- Khairuzaman, K., Suhaila, Z. A., Khazri, O., Ummu, H. H., & Nur, S. M. (2012). Keberkesanan Kem Bahasa Arab Dalam Meningkatkan Tahap Motivasi dan Keyakinan Pelajar. *In Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014* (pp. 185-194).
- Kivunja, C. (2018). Distinguishing between Theory, Theoretical Framework, and Conceptual Framework: A Systematic Review of Lessons from the Field. *International Journal of Higher Education*, 7(6), 44-53.
- Kumpikaitė, V., & Duoba, K. (2013). Developing core competencies: student mobility case. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 99, 828-834.
- Laborda, J. G., & Litzler, M. F. (2015). Current perspectives in teaching English for specific purposes. *Onomázein*, (31), 38-51.
- Language Centre Al al-Bayt University Mafrq, Jordan. (2019, September 18). The Arabic Language for the Non-speakers Program. https://web2.aabu.edu.jo/faculties_site/index.jsp?menu_id=5&site_no=100031&col_id=31&dept_id=0
- Liwiński, J. (2019), "Does it pay to study abroad? Evidence from Poland", *International Journal of Manpower*, 40(3), 525-555.
- M. Najib, J., Kirembwe, R. A. H., Zainur, R. A. R., & Lubna, A. R. (2014). Sikap dan motivasi pelajar IPT terhadap modul pengajaran bahasa arab pelancongan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 4(2), 77–85.
- Marin, E. (2014). The Mobility of Romanian Students in Europe. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116, 4884–4888.

- McInnes, A., Goss, J. M., Fisher, H., & Brockman, R. (2019). Learning from others: A critical reflection on an international study programme. *International Social Work*, 62(1), 337–350.
- Mohammad, I. A., & Mohammad, N. J. (2018). Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Di Selangor : Kajian Awal. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*. 4(June), 14–25.
- Mohammad, N. J., Kirembwe, R. A. H., & Hishomuddin, A. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama : Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti SainsIslam Malaysia. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, 10, 19–29.
- Mohd, S. M., & Mohammad, S. (2016). Keperluan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah : Satu Analisis Kajian. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 70–85.
- Moravcová, L., & Madarová, L. (2013). Teaching English and German for Specific Purposes to Agricultural Engineers as a Path to Better Career Opportunities on the Foodstuff Market. *Journal of Central European Agriculture*, 14(3), 367-378.
- Malaysia, K. P. (1998). Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadwah, D., & Nadhilah, A. P. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–133.
- Najjah, S. A. R., Ahmad, M. I., & Kaseh, A. B. (2015). Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Tugas Rasmi Anggota Tentera Malaysia di Negara Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3(September 2017), 79–90.
- Omar, Z., Kheir, A. M. A., & Ahmad, N. (2020). Arabic for Academic Purposes: A Needs Analysis Study. *'Abqari Journal*, 22(2), 175-189.
- Rabionet, S. E. (2009). How I learned to design and conduct semi-structured interviews: An ongoing and continuous journey. *The Qualitative Report*, 16(2), 563-566.
- Rai, N., & Thapa, B. (2015). A study on purposive sampling method in research. *Kathmandu : Kathmandu School of Law*, 1–12.

- Robinson, S. S. (2012). An analysis of the impact of student mobility on middle school students in one school district in Tennessee (Doctoral dissertation, The University of Tennessee at Chattanooga).
- Saipolbarin, R., Muhammad, T. A. G., & Mohd, Z. A. H. (2019). Effectiveness of Outbound Programme for Students of Bachelor in Arabic Language with Education, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) at The Language Centre of University Al Al-Bayt Mafraq Jordan. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(2), 17-27.
- Saliu, B., & Hajrullai, H. (2016). Best Practices in the English for Specific Purpose Classes at the Language Center. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 232(April), 745–749.
- Sandoval, J. (2010). Student Mobility. *Encyclopedia of Cross-Cultural School Psychology*, 37(1), 939–940.
- Tedick, D. J., & Savignon, S. J. (1998). Communicative Competence: Theory and Classroom Practice. *The Modern Language Journal*, 82(4), 594.
- Union, E. (2006). Transnational mobility within the Community for education and training purposes: European Quality Charter for Mobility. *Official Journal of the European Union*, 3945(215), 20–40.
- Universiti Putra Malaysia. (2017, Disember 22). Mobiliti Pelajar. https://www.upm.edu.my/antarabangsa/global_partnership/student_mobility-8213
- Universiti Putra Malaysia. (2020). Inbound Mobility Student Guidebook. PUTRA International Centre (i-PUTRA). www.intl.upm.edu.my
- Universiti Putra Malaysia. (2020). Outbound Mobility Student Guidebook. PUTRA International Centre (i-PUTRA). www.intl.upm.edu.my
- Utusan Online. (2016, November 15). Mobiliti pelajar perluaskan hubungan antarabangsa. <https://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/mobiliti-pelajar-perluaskan-hubungan-antarabangsa-1.407983>
- Utusan Online. (2018, November 30). Perluas program mobiliti pelajar antarabangsa - titah Raja Muda Perlis. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/perluas-program-mobiliti-pelajar-antarabangsa-titah-raja-muda-perlis-1.796728>
- Wells, A. (2013). Student mobility and competence development in higher education: a study of Latvian students at English universities. [PhD thesis]. Oxford University, UK.